

● KENYATAAN AKHBAR

7 November 2017

Untuk Siaran Segera

WAKAF SELANGOR MUAMALAT MENYUMBANG KEPADA ST JOHN AMBULANS MALAYSIA DAN HOSPITAL TENGGU AMPUAN RAHIMAH, KLANG

Klang, Isnin 6 November : Wakaf Selangor Muamalat hari ini memberi sumbangan 3 buah mesin monitor pesakit kepada St John Ambulans Malaysia Kawasan Pantai Selangor dan sebuah mesin ultrabunyi kepada Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor. Keseluruhan sumbangan berjumlah RM125,981.00. Penyerahan tersebut diadakan dalam sebuah majlis bertempat di bangunan pejabat St John Ambulans Malaysia, Klang. Majlis tersebut telah dihadiri oleh Y.Bhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr. Abdul Rahman Arshad, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bersama Wakaf Selangor Muamalat bersama beberapa ahli jawatankuasa yang lain.

St John Ambulans Malaysia merupakan organisasi kebajikan yang memberikan bantuan kecemasan awal dan jagaan kepada mereka yang memerlukan. Ia ditubuhkan sejak tahun 1908 dan sehingga kini mempunyai 600,000 orang sukarelawan berdaftar dari seluruh negara. Selain memberi pertolongan semasa kemalangan dan bencana alam, para sukarelawan mereka juga aktif berkhidmat semasa acara sukan dan di festival setempat. Mesin monitor sumbangan Wakaf Selangor Muamalat digunakan untuk memantau degupan jantung dan tahap kesihatan pesakit semasa di dalam ambulans sementara dibawa ke hospital. Sumbangan ini diharap dapat membantu St John Ambulans memberi perkhidmatan ambulans yang lebih berkualiti tinggi kepada penduduk di Lembah Klang.

Selain itu, Wakaf Selangor Muamalat turut menyumbang sebuah mesin ultrabunyi kepada Wad Obstetrik dan Ginekologi Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang. Mesin ini bertujuan memeriksa tumbesaran dan jantina bayi dalam kandungan. Memandangkan kemasukan pesakit di Hospital ini yang terlalu ramai dan juga kes antenatal di pusat rawatan harian yang semakin meningkat, Jabatan O&G mengalami kekurangan mesin ultrabunyi. Selain itu, HTAR telah mencatatkan kelahiran jumlah kelahiran yang semakin meningkat sejak tahun 2003. Statistik ini merupakan yang ketiga tertinggi di peringkat kebangsaan selepas Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru dan Hospital Kuala Lumpur.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bersama Wakaf Selangor Muamalat, Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr Abd Rahman Arshad berkata, "Sehingga Oktober tahun ini, Wakaf Selangor Muamalat telah menyumbang sebanyak RM9,458,717.17 dalam bidang pendidikan dan kesihatan. Sumbangan kepada pendidikan termasuklah bangunan sekolah, van, dan projektor. Sumbangan dalam bidang kesihatan pula adalah klinik bergerak, mesin dialisis, tangki simpanan nitrogen, dan lain-lain peralatan perubatan."

Wakaf Selangor Muamalat adalah program kutipan dan agihan dana wakaf tunai yang telah dilancarkan pada 27 September 2012. Ia merupakan satu perkhidmatan yang ditubuhkan dari usahasama di antara Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Perbadanan Wakaf Selangor. Ia bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pelanggan Bank serta orang awam untuk berwakaf. Sumbangan wakaf ini akan diagihkan kepada dua sektor iaitu pendidikan dan kesihatan. Selain itu, dana ini disalurkan juga ke sektor pelaburan bagi mengembangkan nilai dana wakaf. Bank Muamalat melalui rangkaian cawangannya di Malaysia telah mengumpul dan menguruskan dana wakaf bersama-sama dengan Perbadanan Wakaf Selangor. Para penyumbang dana ini layak mendapat potongan cukai 7% dari pendapatan agregat individu dan 10% bagi korporat.

- Tamat -